

DOKUMEN NO. 1


LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**TENDER NO. MADA(T)/BIP/P/02/2024****NOTIS TENDER**

1. Tawaran daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan di bawah kod bidang 070101 akan diterima di BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada 4 Februari 2024.

NO. TENDER	TAJUK	LAWATAN TAPAK	KOD BIDANG
MADA(T)/BIP/P/02/2024	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENGAPLIKASI BAHAN PEMULIH TANAH ZEOLITE DI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) KEDAH BAGI TAHUN 2024	Tiada Keperluan Lawatan Tapak	070101

Semua butiran lanjut dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN, mulai 15 Januari 2024 sehingga 4 Februari 2024 pada waktu dan hari bekerja.

2. Syarikat-syarikat yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki:-
- Membawa bersama Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk pemeriksaan dan pengesahan serta sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut untuk tujuan rekod dan fail. Bagi Syarikat yang bertaraf Bumiputera, sila bawa bersama surat akuan asal Kementerian Kewangan Malaysia dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan Dokumen Tawaran.
 - Membeli Dokumen Tawaran dengan harga RM 100.00 setiap naskah.
3. Setiap bayaran hendaklah dibuat secara Kiriman Wang/Wang Pos/Deraf Bank atas nama LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA atau secara Wang Tunai. Bayaran dengan cek persendirian/syarikat tidak akan diterima. Bayaran Dokumen ini tidak akan dikembalikan.
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.



(ZULKIFLI BIN ROMLI)

TIMBALAN PENGURUS BESAR (PERTANIAN)